

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.03.2015**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dan rancangan Kerajaan untuk menyelamatkan nilai ringgit yang kini semakin merosot.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1%

sehingga 10.1% berbanding dolar AS sejak bulan September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dalam mengikuti pergerakan nilai mata wang ringgit, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berwaspada terhadap aktiviti yang menimbulkan gangguan dalam pasaran pertukaran mata wang asing bagi memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi. Sehubungan itu, BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Bank-bank di Malaysia juga adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat, dengan izin, *short selling* ringgit Malaysia kerana ini tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran

## Pertukaran Asing.

3. Selain itu, BNM turut mempunyai peruntukan undang-undang yang berkaitan untuk menghalang aktiviti spekulasi terhadap ringgit di Malaysia dan di luar pesisir. Malah, berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, sebarang transaksi mata wang oleh penduduk tempatan atau transaksi yang melibatkan ringgit mestilah dilaksanakan melalui bank tempatan yang berlesen.

**NO. SOALAN: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG  
[ LAWAS ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7556**

**SOALAN:**

**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah Ibu Pejabat Polis Daerah Lawas yang baru dilaksanakan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai perancangan untuk pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lawas yang baru.**

**Walau bagaimanapun, PDRM bersama-sama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam proses mencari dan mengenalpasti tapak tanah yang sesuai bagi tujuan pembinaan IPD tersebut.**